

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN  
ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 ( RABU )**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikan “road map” pelaksanaan RUU355.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL BAKRI, MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa meletakkan prioriti kepada pemerksaan Mahkamah Syariah, bagi memartabatkan institusi perundangan Syariah di Malaysia. Sebagaimana yang telah dimaklumkan ketika penggulungan perbahasan Titah Diraja pada 10 Ogos 2020 di Dewan yang Mulia ini, pindaan bagi Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 akan dilakukan selepas beberapa proses penting dilaksanakan terlebih dahulu. Ini penting agar Akta ini dapat dipinda dan dibentangkan mengikut tertib dan teratur mengikut lunas Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.